

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN (KIMANIS)**

**SOALAN**

**DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [ KIMANIS ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha membanteras dan langkah yang diambil terhadap penyelesaian masalah pendatang tanpa izin (PTI) yang sudah lama berlaku di Sabah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, menyusuli keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 03 Disember 2014 dan pengumuman hasil dapatan serta rekomendasi Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah (RCI), Kerajaan telah menukuaskan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang terbahagi kepada dua tier iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) dan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Teknikal). Seterusnya, susulan daripada peralihan pentadbiran Kerajaan, JKPWAS telah diaktifkan semula dengan penambahbaikan struktur yang mana JKPWAS-Induk masih dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Dalam Negeri dan YAB Ketua Menteri Sabah. Manakala, JKPWAS-Teknikal pula dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Kedua-dua Jawatankuasa dianggotai oleh Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri yang terlibat dengan pengurusan warga asing di Sabah yang antara lainnya adalah Jabatan Ketua Menteri Sabah, Jabatan

Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta beberapa Jabatan/Agensi lain yang berkaitan. Jawatankuasa ini sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi isu-isu berbangkit dalam melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya termasuklah berhubung isu pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah melalui mesyuarat yang dijadualkan secara berkala sepanjang tahun.

Antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan adalah menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas PATI di Sabah melalui Operasi Bersepadu yang melibatkan beberapa agensi iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sabah, Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Kesungguhan Kerajaan untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran yang dilaksanakan bermula dari tahun 1990 sehingga 23 Oktober 2020 yang berjumlah seramai 598,116 orang.

Justeru, platform JKPWAS ini adalah salah satu usaha Kerajaan dalam menguruskan isu-isu warga asing di Sabah dan keselamatan negeri Sabah secara keseluruhannya.